

Abdullah sampaikan tazkirah, hadiri majlis tahlil Allahyarham Endon

PUTRAJAYA 8 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menghadiri majlis tahlil dan bacaan Yasin untuk Allahyarham isterinya, Datin Seri Endon Mahmood serta seluruh kaum muslimin dan muslimat di Masjid Putra, di sini.

Majlis tahlil yang dipimpin oleh Pemangku Imam Besar masjid tersebut, Abdul Manaf Mat dan dianjurkan oleh Abdullah itu turut dihadiri ahli keluarga dan sahabat handai antaranya anak perempuannya, Nori dan menantunya, Khairy Jamaluddin.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor; Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman; bekas Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh dan rakan lama Perdana Menteri, Habib Mohd Yusuf.

Selepas majlis tersebut, Perdana Menteri bersama tetamu berbuka puasa dan seterusnya menuaikan solat Maghrib berjemaah.

Perdana Menteri kemudiannya diberikan penghormatan menyampaikan tazkirah kepada para jemaah sebelum menyertai solat Isyak dan tarawih.

Dalam tazkirahnya, antara lain, Abdullah mahu umat Islam menjadikan al-Quran sebagai inspirasi

untuk menimba ilmu sebagaimana umat terdahulu hingga membuatkan mereka mampu membangunkan hadharah atau tamadun.

"Kita dibekalkan ilmu dalam bentuk al-Quran yang menjadi panduan kepada manusia, jadi kita wajib menuntut ilmu pengetahuan dan wajib juga mengajar ilmu.

"Sebabnya kita mahu orang Islam yang berilmu pengetahuan dan menjadi umat yang maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Nabi Muhammad s.a.w mendapat banyak rahmat dan manfaat berbanding umat terdahulu kerana diturunkan al-Quran sebagai mukjizat.

"Ia merupakan panduan dan ada ilmu daripada Allah sendiri. Juga banyak ayat yang mengisahkan tentang para anbia dalam menyebarkan agama Islam dan mengatasi pelbagai cabaran dengan sabar dan istiqamah.

Abdullah mengingatkan bahawa dengan ilmu membolehkan ibadah seorang muslim itu menjadi lebih sempurna dan dapat membezakan antara perkara yang baik dan tidak baik.

Malah katanya, ilmu juga menyebabkan manusia boleh menjadi makhluk yang paling mulia diciptakan oleh Allah sebagaimana yang ditampil dalam kisah penciptaan manusia oleh-Nya

dalam al-Quran.

Tambah Perdana Menteri, Allah telah menunjukkan kebesarannya apabila penciptaan manusia berbeza - Nabi Adam daripada tanah, Nabi Isa dilahirkan tanpa bapa dan manusia dari-

pada benih ibu bapa mereka.

Dalam hal ini beliau menjelaskan, Nabi Adam dipilih sebagai manusia pertama yang menjadi khalifah kerana mempunyai ilmu berbanding iblis yang telah ingkar arahan Allah.

"Adam mencapai kejayaan kerana dia lebih mengetahui (daripada iblis), iblis sampai sekarang menghasut anak cucu Adam kecuali mereka yang ikhlas ibadahnya yang datang daripada keyakinan (terhadap ilmu)," katanya.